

KAJIAN LATAR SOSIOEKONOMI: SUMBER EKONOMI MASYARAKAT TOK BALI

Muhammad Hafizuddin Bin Huji
Nur Azuki bin Yusuff

Abstrak

Sumber ekonomi menjadi aspek yang sangat penting bagi memastikan kelangsungan hidup. Justeru itu penulis mengambil inisiatif untuk mengetahui dua objektif iaitu apakah sumber ekonomi yang utama di Tok Bali dan inisiatif kerajaan dalam membantu masyarakat Tok Bali dalam sektor ekonomi yang diceburi. Kajian ini merupakan kajian lapangan dekat melakukan dua kaedah penyelidikan iaitu kaedah NGT (Norminal Group Technique) dan soal selidik. Dapatan awal menunjukkan 4 sektor utama ekonomi yang terdapat di Tok Bali iaitu sektor pertanian yang melibatkan 19.9 peratus responden, sektor perikanan melibatkan 13.3 peratus, sektor perniagaan melibatkan 11.3 peratus dan sektor penternakan 10.6 peratus responden. Penulis juga telah bertemu dengan Penggawa dan Ahli Dun Semerak bagi mengenalpasti inisiatif yang diberi bagi membantu penjana ekonomi masyarakat Tok Bali. Di kala pandemik Covid-19 yang melanda dunia kini memberi kesan yang sangat teruk kepada ekonomi dunia ini. Kehilangan sumber ekonomi bererti kehilangan sumber pendapatan. Semua pihak perlu bergabung bagi memastikan sumber ekonomi yang dijana oleh masyarakat Tok Bali ini dapat memberi hasil yang maksima dan mereka dapat meneruskan kelangsungan hidup mereka.

Kata Kunci: Latar Sosioekonomi, Masyarakat Tok Bali

Pengenalan

Tok Bali, Kelantan merupakan sebuah kawasan yang geografinya terletak di kawasan persisir pantai dan merupakan kawasan tanah yang subur untuk kegiatan pertanian. Maka tidak hairanlah sumber pendapatan utama masyarakat Tok Bali adalah berasaskan sumber alam seperti aktiviti nelayan dan pertanian. Namun begitu, pendapatan masyarakat Tok Bali rata-ratanya berada dalam kedudukan B40. Kebanyakan komuniti persisir terdiri daripada mereka yang bekerja sebagai petani, penternak dan nelayan persisir. Pendapatan mereka ini kurang daripada RM529 sebulan dan tergolong sebagai kategori miskin (Nik Wan Omar et al., 2006). Di kala pandemik covid19 yang melanda dunia ini, penting untuk mengetahui adakah pendapatan yang dijana dapat memenuhi keperluan hidup harian masyarakat Tok Bali.

Sosioekonomi Islam pembangun ekonomi ummah

Pembangunan ekonomi menurut islam bersifat komprehensif dan bersepadu iaitu pembangunan yang meliputi pembangunan akhlak, kerohanian dan kebendaan (Joni Tamkin, 2008). Fokus utama pembangunan dalam islam ialah pembangunan manusia itu sendiri, hal ini termasuk persekitaran fizikal serta sosiobudaya (Syed Othman, 1992). Pembangunan ekonomi dalam islam bersifat pelbagai dimensi yang mengutamakan pembangunan yang seimbang diantara kebendaan dan kerohanian, dalaman dan luaran. Dalam kehidupan sosial islam terdapat dua prinsip dinamik iaitu memberi penekanan kepada dua perkara; pertama, penggunaan secara optimum sumber-sumber yang dikurniakan oleh Allah SWT dan persekitaran fizikalnya. Kedua ialah penggunaan serta pengagihan sumber-sumber tadi secara adil dan penggalakkan perhubungan manusia atas dasar hak dan keadilan (Joni Tamkin 2008). Firman Allah SWT:

هُوَ الَّذِي خَلَقَ لَكُمْ مَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا ثُمَّ أَسْتَوَىٰ إِلَى السَّمَاءِ فَسَوَّاهُنَّ سَبْعَ سَمَاوَاتٍ وَهُوَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ٢٩

Terjemahan:

Dialah (Allah) yang menjadikan untuk kamu segala yang ada di bumi, kemudian Dia menuju dengan kehendakNya ke arah (bahan-bahan) langit, lalu dijadikannya tujuh langit dengan sempurna dan Dia Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu. (Surah al-baqarah: 29)

Menurut Hamka (1908), setiap apa yang diciptakan di dunia ini untuk manusia. Sehingga air yang mengalir lautan yang terbentang, kayu yang tumbuh di hutan, batu di sungai, pasir di pantai semuanya untuk kegunaan manusia. Maka gunalah kesemua yang ada didunia ini dengan sebaik mungkin dan berlaku adillah sesama manusia.

Metodologi Kajian; Kaedah Pengumpulan dan Analisa Data

Fokus utama kajian yang dijalankan ini merangkumi beberapa aspek utama atau objektif kajian, iaitus

1. Mengetahui Sumber ekonomi masyarakat Tok Bali.
2. Apakah inisiatif yang disediakan oleh kerajaan untuk membantu memajukan sekto ekonomi masyarakat Tok Bali.

Kajian ini dijalankan melalui dua metod kajian utama iaitu kajian soal selidik yang dijalankan di Tok Bali. Sebanyak 300 soal selidik telah diedarkan yang melibatkan 300 ketua isi rumah. Metod kajian seterusnya ialah *Nominal Group Technique* (NGT) yang melibatkan 3 orang penghulu mukim dan pengawa Dun Semerak. Kajian ini dijalankan pada fasa PKP permulihan dan telah mematuhi SOP yang telah ditetapkan dengan mengambil kira penjarakkan sosial dan lain-lain yang berkenaan. Dapatan kajian dianalisa menggunakan software SPSS.

Kawasan Kajian

Kawasan kajian yang dipilih ialah kawasan pembangunan Tok Bali yang meliputi 3 buah mukim berpenghulu iaitu Mukim Tok Bali, Mukim Air Tawar dan Mukim Dalam Rhu. Permilihan Tok Bali sebagai kawasan kajian kerana perlbagai pembangunan telah diperkenalkan antaranya projek pendaratan petroleum dan perancangan pembangunan Tok Bali yang diperkenalkan oleh kerajaan negeri. Sejauh manakah perancangan pembangunan yang diperkenalkan memberi kesan kepada pembangunan sosioekonomi masyarakat Tok Bali.

Dapatan kajian dan perbincangan

Dapatan kajian ini dibahagi kepada dua bahagian bagi mewakili dapatan kajian daripada soal selidik dan dapatan daripada NGT (*Norminal Group Technique*).

Bahagian A:

Sebanyak 300 soal selidik telah diedarkan kepada ketua keluarga di Pasir Puteh. Dapatan kajian menunjukkan beberapa sektor ekonomi yang diceburi oleh masyarakat. Antara sektor tersebut ialah sektor perikanan iaitu nelayan dan penternakan ikan sangkar, sektor perniagaan dan sektor pertanian.

Bagi sektor pertanian:

Ada (%)		Tiada (%)	
19.9		80.1	
Modal bawah RM5000	Modal RM5000-RM10,000	Modal RM10,000 ke atas	
14.3	3.3	2.3	
Hasil bawah RM5000	Hasil RM5000-RM10,000	Hasil RM10,000 ke atas	
14.3	4.0	1.6	

Jadual 1: Keterlibatan masyarakat Tok Bali dalam sektor pertanian

Daripada 300 responden yang terlibat dalam sektor pertanian hanyalah 19.9 peratus dan yang tidak terlibat ialah 80.1 peratus. Bagi sektor ini, mereka yang mengeluarkan modal bawah RM5,000 adalah 14.3 peratus, yang mengeluarkan modal RM5,000 hingga RM10,000 adalah sebanyak 3.3 peratus dan mereka yang mengeluarkan modal RM10,000 ke atas bagi sektor pertanian ialah sebanyak 2.3 peratus. Setiap modal yang dikeluarkan mesti akan mendapatkan hasilnya. Responden yang mendapat hasil bawah daripada RM5000 adalah sebanyak 14.3 peratus, bagi yang mendapat hasil RM5,000-RM10,000 adalah sebanyak 4.0 peratus manakala yang mendapat hasil RM10,000 ke atas adalah sebanyak 1.6 peratus.

Seterusnya, sumber ekonomi yang kedua ialah perikanan. Daripada 300 responden sebanyak 13.3 peratus responden terlibat dalam sektor ini. Mereka yang mengeluarkan modal sebanyak RM5000 ke bawah adalah seramai 12 peratus manakala mereka yang mengeluarkan modal RM5,000 ke atas adalah seramai 1.3 peratus. Manakala penghasilan RM5,000 ke bawah pula adalah seramai 13 peratus dan responden yang memperoleh RM5000 ke atas pula adalah sebanyak 0.3 peratus. Walaupun begitu penghasilan ini bukanlah perhasihan perbulan. Ada responden yang memperoleh perhasihan bermusim dan penghasilan 2 kali setahun.

Ada (%)	Tiada (%)
13.3	86.7
Modal RM5,000 ke bawah	Modal RM5,000 ke atas
12	1.3
Hasil RM5,000 ke bawah	Hasil RM5,000 ke atas
13	0.3 (bermusim)

Jadual 2: Keterlibatan masyarakat Tok Bali dalam sektor perikanan

Sektor ekonomi yang ketiga ialah sektor perniagaan. Sektor ini menunjukkan hanya 11.3 peratus responden yang terlibat dimana responden yang mengeluarkan modal RM5,000 ke bawah adalah seramai 8.6 peratus, manakala responden yang mengeluarkan modal RM5,000 ke atas adalah sebanyak 1.7 peratus. Bagi penghasilan pula, responden yang menghasilkan pendapatan RM5,000 ke bawah adalah sebanyak 8.3 peratus, manakala responden yang menghasilkan pendapatan RM5,000 ke atas adalah sebanyak 2.0 peratus.

Ada (%)	Tiada (%)
11.3	88.7
Modal RM5,000 ke bawah	Modal RM5,000 ke atas
8.6	1.7
Hasil RM5,000 ke bawah	Hasil RM5,000 ke atas
8.3	2.0

Jadual 3: Keterlibatan masyarakat Tok Bali dalam sektor perniagaan

Sektor yang seterusnya adalah sektor penternakan. Bagi sektor penternakan, penternakan lembu limosin mendapat tempat di hati masyarakat Tok Bali. Keterlibatan responden dalam sektor penternakan adalah seramai 10.6 peratus. Responden yang bermodalkan RM4,000 ke bawah adalah seramai 8.6 peratus manakala responden yang bermodalkan RM4,000 ke atas adalah seramai 2.0 peratus. Bagi penghasilan RM4,000 ke bawah pula, seramai 8 peratus responden berjaya menghasilkan pendapatan RM4,000 ke bawah, manakal 2.6 peratus pula berhasil menghasilkan pendapatan RM4,000 ke atas. Pendapatan ini bukanlah pendapatan secara bulanan ataupun harian tetapi lebih kepada pendapatan pertahun atau permusim.

Ada (%)	Tiada (%)
10.6	89.4
Modal RM4,000 ke bawah	Modal RM4,000 ke atas
8.6	2.0
Hasil RM4,000 ke bawah	Hasil RM4,000 ke atas
8	2.6

Jadual 4: Keterlibatan masyarakat Tok Bali dalam sektor penternakan

Bahagian 2:

Dapatan kedua adalah dapatan daripada NGT (Norminal Group Technique) yang telah dilaksanakan bersama-sama dengan 3 orang penghulu dan seorang penggawa dun Semerak. Perusahaan keropok menjadi sumber ekonomi yang utama di kawasan Mukim Air Tawar. Perusahaan ini dapat dilihat melalui deretan kedai keropok yang dibuka di sepanjang jalan besar Kampung Pachakan. Walaupun deretan kedai yang dibuka, permintaan yang tinggi menyebabkan berlakunya kekurangan stok keropok di kilang-kilang keropok. Selain itu,

perusahaan ikan kering dan ikan bengkak merupakan trademark Tok Bali. Hal ini kerana Tok Bali merupakan tempat pendaratan hasil laut. Hasil laut tersebut dijadikan ikan kering, ikan lunak dan ikan bengkak.

Bagi sektor penternakan pula, penternakan lembu jenis pedaging menjadi sambutan. Antara jenis-jenis lembu pedaging yang menjadi tarikan ialah (lembu charolais, limousine, blue bega dan blonde) menjadi tarikan disebabkan struktur tubuh yang berotot dan harga yang tinggi. Sambutan ini diperoleh daripada golongan-golongan muda yang berpakat sesama mereka mengeluarkan modal membeli lembu-lembu tersebut. Penghasilan yang diperoleh cukup lumayan kerana harga seekor lembu yang matang boleh mencecah belasan ribu ringgit.

Penternakan ikan dan udang sangkar mendapat tempat di hati masyarakat Tok Bali. Lebih daripada 50 pengusaha ikan sangkar bertapak di sepanjang sungai Semerak. Antara ikan yang ditenak ialah ikan kerapu hybrid dan ikan siakap. Ikan-ikan ini di eksport ke pasaran luar dan dalam negeri. Menurut Adun Semerak ikan yang ditenak di sini dibekalkan kepada restoren dan hotel telukmuka di ibu negeri dan sebahagiannya dieksport ke Singapura.

Bagi sektor pertanian, tanaman yang menjadi tarikan ialah tanam ubi keledak, tembikai dan pelbagai jenis sayuran yang lain. Terdapat prospek yang menarik dalam penanam pokok kelapa. Permintaan yang tinggi kepada produk yang berasaskan kelapa ini, dapat menjana pendapatan yang sangat lumayan kepada masyarakat Tok Bali di samping kos penjagaan yang sedikit. Tanaman ini dapat diketengahkan kepada masyarakat Tok Bali. Tanaman-tanaman dieksport ke pasaran dalam dan luar negeri dan mendapat sambutan yang mengalakkan.

Perbincangan

Sumber ekonomi yang dijana oleh penduduk Tok Bali bukanlah bersifat harian ataupun bulanan tetapi lebih kepada bermusim. Aktiviti perikanan seperti nelayan tidak boleh dijalankan pada musim tengkujuh. Hal ini mendatangkan kesan kepada bekalan ikan dan juga pendapatan golongan nelayan. Bagi aktiviti penternakan pula, terdapat beberapa isu yang dihadapi oleh golongan penternak terutama penternak ikan dan udang sangkar di Sungai Semerak. Pencemaran air sungai Semerak yang disebabkan oleh pembinaan terusan Semerak dan Kuala Tok Bali. Pencemaran ini memberi kesan kepada 50 pengusaha ikan sangkar dan terpaksa menanggung kerugian disebabkan ternakan mereka mati.

Namun begitu pelbagai inisiatif telah disediakan oleh kerajaan bagi membantu mereka yang terjejas. Antara inisiatif yang diberikan ialah bantuan dari pejabat parlimen dengan usahasama pejabat dun memberi bantuan tunai kepada pengusaha ikan sangkar di Sungai Semerak. Bantuan makanan ikan juga diberikan. Sebanyak 1,000 beg palet makanan ikan gred A yang dianggarkan berjumlah RM100,000 diserahkan oleh adun Semerak iaitu Wan Hassan Wan Ibrahim kepada pengusaha ternakan ikan sangkar ini. Bantuan yang diberikan dapat mengurangkan bebanan yang terpaksa ditanggung oleh penternak ikan sangkar. Selain daripada itu, projek penggalian semula muka kuala Sungai Semerak yang tertimbus sedang giat dijalankan dan sentiasa dipantau oleh Pejabat Daerah Pasir Puteh. Selain itu, pembinaan terusan baru yang bakal menelan RM12 juta diharapkan dapat merencanakan projek penternakan ikan. Rata-rata pengusaha ikan sangkar ini merupakan dahulunya seorang nelayan yang beralih arah kepada bidang penternakan.

Inisiatif yang seterusnya ialah plan pembangunan baru Pekan Cherang Ruku. Plan ini dijangka dapat merencanakan lagi ekonomi penduduk tempatan dan seterusnya dapat memberi sinar baharu kepada peniaga-peniaga. Selain daripada itu, pertanyaan juga diajukan berkaitan dengan keadaan pandemik Covid19 adakah ianya memberi kesan kepada sumber ekonomi masyarakat Tok Bali semasa NGT diadakan. Penghulu menyatakan bahawa pandemik tidak memberi kesan kepada masyarakat Tok Bali kerana sektor ekonomi masyarakat Tok Bali tetap boleh diteruskan ataupun tergolong dalam kategori yang dibenarkan untuk beroperasi oleh kerajaan.

Penutup

Pelbagai plan pembangunan Tok Bali telah dilaksanakan yang bertujuan untuk memajukan ekonomi kawasan tersebut dan seterusnya menjana pendapatan kepada penduduk disana dan kepada kerajaan negeri. Sumber ekonomi yang sedia ada perlu diberi perhatian agar ia dapat

dikembangkan, seterusnya memaju ekonomi masyarakat Tok Bali. Pihak kerajaan juga telah membantu, maka atas diri masyarakat untuk mengambil peluang yang disediakan.

Penghargaan

Penhargaan setingginya diucapkan kepada Pihak Repsol yang telah menyumbang dana dalam menjayakan kajian ini. Penghargaan diucapkan juga kepada rakan penyelidik daripada Universiti Malaysia Kelantan. Begitu juga, penghargaan ditujukan kepada Pejabat Jajahan Pasir Puteh, penghulu Mukim Tok Bali, penghulu Mukim Air Tawar dan Penghulu Mukim Semerak di samping penghargaan juga ditujukan kepada penggawa Semerak atas kerjasama yang diberikan sepanjang kajian dijalankan.

Rujukan

- Hamka .1908-1981. Tafsir al-Azhar: Surah Al-Fatihah dan Juzuk 1.
- Joni Tamkin Bin Borhan. 2008. Pemikiran Pembangunan Ekonomi Berteraskan Islam. Jurnal Usuluddin.
- Nik Wan Omar, Mohd Shaladdin dan Wan Abd Aziz (2006). Kesejahteraan Hidup Nelayan Pesisir. Prosiding Persidangan Pertama Pembangunan Komuniti Pulau dan Pesisir Pantai 2006, Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia.
- Profil Jajahan Pasir Puteh 2020.
- Syed Othman al-Habshi (1992), "Ekonomi dan Pembangunan Masyarakat Dalam Islam", Risalah, Mei , h. 41; Surtahman Kastin Hassan (1995), op. cit., h. 185-186.

E-PROSIDING

ABSTRAK & SISIPAN UCAPTAMA

SEMINAR KEBANGSAAN

MENELUSURI ISU
KOTEMPORARI
DALAM PENDIDIKAN
DAN
KESEJAHERAAN
INSAN
(SKIK21)

MAJLIS DAKWAH NEGARA (MDN) KELANTAN



Dengan

Kerjasama:



Universiti Malaysia
KELANTAN



UUM
UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA



STUDIO
USTP
KOTA BHARU

Penyelenggara:

Prof. Madya Dr. Nur Azuki Yusuff
bersama JK Prosiding dan Abstrak

Hak Cipta FPBPI, UMK 2021

Hak cipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh digunakan semula, ataupun dipindahkan dengan sebarang bentuk ayat dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan, UMK.

E-Prosiding Abstrak & Sisipan Ucaptama Seminar Kebangsaan Menelusuri Isu Kontemporari dalam Pendidikan dan Kesejahteraan Insan (SKIK21)

eISBN:

Diterbitkan oleh:
Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan
Universiti Malaysia Kelantan
16300 Bachok, Kelantan

e ISBN 978-967-2912-79-8

